

Headline	Saringan ketat tunai haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	16	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	192 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	AdValue	RM 7,064
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,192



# Saringan ketat tunai haji

■ Jemaah tak sihat tidak dibenar ke Makkah berikutan jangkitan MERS

Oleh Mohd Husni Mohd Noor

Jemaah haji yang gagal melepasi ujian saringan kesihatan tidak akan dibenarkan menunaikan ibadat haji tahun ini berikutan amaran kesihatan terbaru dikeluarkan kerajaan Arab Saudi berkaitan virus Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS) yang melanda negara itu kini.

Garis panduan terbaru itu dikeluarkan Lembaga Tabung Haji (TH) selepas kerajaan Arab Saudi mengisytiharkan virus itu semakin serius di mana dua individu sudah meninggal dunia.

Pengerusi TH, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim (*gambar*) berkata, pihaknya

sudah mengambil langkah perlu bagi memastikan hanya jemaah yang lulus ujian saringan kesihatan dibenarkan menunaikan ibadat haji bagi musim haji tahun ini.

Beliau berkata, pihaknya mengambil serius perkara itu kerana bimbang jemaah Malaysia yang mempunyai latar belakang penyakit kronik dan serius akan diserang virus berkenaan.

"Saya difahamkan virus berkenaan mudah menyerang individu yang mempunyai latar belakang penyakit kronik serta individu yang mempunyai daya tahan penyakit yang lemah," katanya selepas Majlis Per-

temuan dan Ucapan Selamat Jalan kepada Anak-Anak PERMATA Insan ke Arab Saudi, di Kompleks Seri Perdana, semalam.

Program itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga merangkap Penang Program PERMATA.

Abdul Azeez berkata, pihaknya akan menghantar pakar perubatan dari Malaysia ke Arab Saudi pada musim haji nanti bagi menyediakan khidmat rawatan bagi jemaah haji tempatan

sebagai persediaan sekiranya berlaku sebarang kecesakan akibat virus itu.

Menurutnya, beliau juga difahamkan kerajaan Arab Saudi mengambil serius mengenai perkembangan terbaru itu, selain menyediakan persiapan rawatan dan kesihatan mencukupi se-

bagai persediaan menjelang musim haji tahun ini.

"Jemaah haji Malaysia akan berlepas ke Tanah Suci dalam tempoh 175 hari lagi," katanya.

## FAKTA

TH hantar pakar perubatan untuk hadapi kecemasan

